

# Perkembangan Islam di Negeri China

(3)

## Jasa Islam kepada China

Dalam makalahnya yang ketiga ini, penulisannya, menggambarkan sejarah perjuangan umat Muslimin China menentang penindasan dan mempertahankan kesucian agama Islam.

Oleh Haji Ibrahim T.Y. Ma

(Diterjemahkan dari Bahasa Inggeris oleh A.B. Husni)\*

### 3. Pemberontakan Ush: Mac-Julai 1765

Kekalahan yang diderita oleh dua orang juta itu disebabkan sebahagian besar oleh puak dari Bukit Hitam. Pihak Manchu bermaksud menganugerahi pemimpin-pemimpin dari puak itu dan memindahkan Abdullah Beg dari Hamika Ush untuk memerintah sebagai boneka. Abdullah seorang yang bakhil, selamanya bersedia untuk memeras orang-orang kaya. Hal ini menyebabkan rakyat tak bersenang hati. Tambahan lagi Su-cheng, Gabenor Ush, sangat suka kepada perempuan. Dia dan anak lelakinya sudah biasa melarikan setiap perempuan cantik yang lalu lalang di jalan dan memperkosa mereka. Pemberontakan rakyat terbit sebagai api yang menyala besar, akan tetapi mereka tak ada mempunyai pemimpin. Segera seorang yang bernama al-Abtulah diangkat rakyat menjadi pemimpin. Pemberontak-pemberontak itu membunuh Abdullah Beg dan Su serta anaknya dan juga segala orang-orang besar dan pegawai-pegawai di Ush. Al-Abtulah (pemimpin pemberontak) meminta supaya semua penduduk tanah airnya menyokong pemberontakan itu, setelah seluruh Ush mereka

duduki, tetapi hal ini kurang berhasil. Tentera-tentera pemerintah datang dan merampas Ush kembali. Semua penduduk kota itu dengan tidak pilih bulu walaupun perempuan dan kanak-kanak semuanya dibunuh dengan tak ada ampun. Pemberontakan ini berlangsung tidak lama masanya, akan tetapi penyembelihan manusia lebih sedikit jumlahnya dari pemberontakan-pemberontakan yang telah silam. Orang-orang Manchu yang mempunyai penuh kepercayaan bahawa mereka telah dapat menakluk seluruh Xinjiang empat tahun dahulu, mengalami kekacauan-kekacauan lagi. Benarlah setelah kekacauan yang dialami oleh orang-orang Manchu di Xinjiang, keamanan berlangsung selama 55 tahun, akan tetapi hanyalah dalam bahagian dari kawasan ini sahaja.

### 4. Pemberontakan Lanzhou: 1782-1854

Setelah 33 tahun lamanya keadaan reda di Gansu selepas kejadian pemberontakan Ma Laichi dan **Ting Kuw Tung** dapat ditindas, yang telah kita namakan tadi sebagai pemberontakan nombor satu, maka pemuda-pemuda yang telah semakin besar dan bangun hendak membalas dendam orang tuanya atau


neneknya yang telah dibunuh atau pun disiksa oleh pemerintah Manchu. Pemberontakan itu bukanlah terjadinya langsung terhadap pemerintah, akan tetapi tumbuhnya dari dalam lingkungan kaum-kaum Islam itu sendiri. Tak dapat disangkal lagi bahawa orang-orang Islam mencari jalan penghidupan baharu yang lain, setelah melihat kaum keluarganya mati terbunuh dalam peperangan. Ada seorang yang bernama Ma Mingxin yang kembali dari sekolah menuntut ilmu agama di Bukhara. Dia berpendapat bahawa faham Wahābī adalah cocok

untuk orang-orang Islam di Gansu dan dia pun mulailah mendakychkan faham Wahābī ini. Oleh kerana ada beberapa hal yang tak berpadanan dengan cita-cita dari orang lain, maka terdapatlah dua macam pembahagian cita-cita ini. Orang-orang Wahābī dinamakan faham baharu dan orang-orang yang keras memegang faham lama dinamakan faham tua, yang mana dapat kita perbandingkan di Malaya ini sebagai Kaum Muda dan Kaum Tua. Suatu pembunuhan dilakukan oleh seorang Kaum Muda dan Ma Mingxin ditangkap, setelah penganut-penganut

**Pada 22 Jun 1960 yang lalu,**

wakil-wakil dari negeri-negeri Islam telah bermesyuarat di bandar Taipei – Formosa dan telah mengambil keputusan yang ditandatangani seperti berikut:

“Kami, utusan-utusan dari Turki, Iran, Pakistan dan Tanah Melayu, dan pemerhati-pemerhati dari Saudi Arabia, Libya, Jordan, Morocco dan Cameroon . . . telah saling bertukar pandangan berkenaan soal dunia Islam yang didasarkan atas memorandum yang telah ditandatangani oleh utusan-utusan kaum Muslimin dari empat negara: Brunei, Filipina, Jepun dan Republik China . . . , kami bersetuju, bahawa kesembilan perkara yang disebut di dalam memorandum itu adalah sangat penting bagi keamanan umat Islam di Asia Tenggara dan lain-lain bahagian di dunia ini bagi penjelmaan semangat Islam . . .”\*



ini membunuh pegawai yang diperintahkan menangkap orang yang melakukan pembunuhan yang mula-mula itu. Penganut-penganut Kaum Muda berkumpul di Lanzhou, ibu negeri daerah Gansu dan mereka mendesak supaya pemimpinnya dibebaskan. Gabenor menjanjikan kepada mereka itu bahawa Ma Mingxin akan dimerdekakan pada esok harinya, akan tetapi pada malam itu pemimpin tersebut dihukum mati. Hal ini menimbulkan kemarahan seluruh pengikut-pengikut Ma Mingxin itu. Jeneral-jeneral Manchu yang pintar mempergunakan Kaum Tua untuk memerangi Kaum Muda itu dengan membentuk mereka itu dalam pasukan-pasukan ketenteraan yang tak teratur. Orang-orang Kaum Muda mundur bertahan dalam sebuah kuil yang dinamakan Hua Lingxi dan lebih 2,000 orang dari mereka ini yang mati terbakar dengan tidak ada seorang pun yang menyerah kalah. Kekacauan ini memakan korban hampir kira-kira 6,000 jiwa manusia.

Seorang daripada pengikut-pengikut Ma Mingxin itu yang bernama Tian Wu Ahong (*Ahong ertinya imam atau orang yang terpelajar dalam bahasa Parsi*) bergerak dari Xifeng Qu dalam daerah Gansu dengan maksud hendak menuntut bela kematian gurunya. Peristiwa ini kejadian dalam tahun 1784. Dia bertolak dari tempat kedudukannya di Ching-yuan dan menyeberangi Sungai Kuning lalu menduduki jajahan-jajahan Tung dan Wai. Tentera-tentera pemerintah dapat mengatasi hal ini dengan jalan memotong persediaan air. Mereka dapat mengakhiri pemberontakan ini dalam tahun 1785. Semenjak itu apa yang dinamakan Kaum Muda itu telah dilarang.

### **5. Pemberontakan Jahangir: 1821-1829**

55 tahun setelah terjadinya kekacauan di Xinjiang itu dan 36 tahun setelah berlangsungnya

pemberontakan di Lanzhou, pemberontakan yang lain terjadi pula di Xinjiang kembali. Kali ini pemerintah Manchu menghadapi seorang pemimpin yang sangat keras hati dari Turkistan Timur yang bernama Jahangir, cucu Burhan ad-Din, yang namanya telah kita bersua dalam pemberontakan yang kedua. Jahangir ialah seorang pentadbir yang cekap memimpin gerakan gerila, yang telah menyebabkan pemerintah pusing kepala. Menuntut bela neneknya akan tetapi juga ialah atas kehendak rakyat berhubung dengan pemerasan-pemerasan yang dilakukan oleh ketua-ketua wilayah mereka dan penindasan-penindasan yang telah dilakukan oleh orang besar-orang besar pemerintah. Jahangir telah dapat mengumpulkan kira-kira 20,000 orang rakyat dan mengusir tentera-tentera pemerintah dari jajahan Kashghar, Yangihissar, Yarkand dan Khotan. Pemerintah kembali lagi mempergunakan Puak Bukit Hitam untuk melemahkan tenaga Jahangir dan akhirnya dia ditawan dalam tahun 1859. Maharaja Daoguang hendak memanggilnya mengadap di istana untuk mendengar alasan-alasan pemberontakannya. Akan tetapi orang besar-orang besarnya yang khuatir kalau-kalau Jahangir akan membukakan semua rahsia-rahsia pencerobohan mereka atas rakyat kepada Baginda, memotong lidah Jahangir sebelum dia dapat mengadap Maharaja. Pemberontakan ini berlangsung 8 tahun lamanya.

### **6. Pemberontakan Muhammad Yusuf**

Baharu sahaja lepas dua tahun dari masa selesainya pemberontakan Jahangir, timbul pula pemberontakan Muhammad Yusuf. Dia adalah saudara lelaki Jahangir. Dia tak mau menyerahkan keluarga dari saudaranya kepada orang besar-orang besar Manchu. Peperangan pun pecahlah. Yusuf meminta bantuan dari Rusia, akan tetapi Rusia tak mau menyokong. Kerana pemerintah Manchu pun telah penat juga berperang, maka dia menganjurkan damai kepada Yusuf setelah setahun

lamanya bertempur. Satu perjanjian telah ditandatangani, yang menentukan peristiwa-peristiwa yang berikut:

- (1) Membebaskan semua tawanan perang yang berasal dari tentera pemerintah.
- (2) Tidak ada dikenakan cukai atas hasil-hasil pengeluaran Xinjiang ke daerah pedalaman China.
- (3) Orang-orang yang ditawan oleh pemerintah dan harta benda yang telah dirampas mestilah dikembalikan kepada Yusuf.
- (4) Semua pemimpin-pemimpin pemberontakan dan keluarga-keluarga mereka hendaklah terjamin keselamatannya di bawah lindungan Yusuf dan tidak diserahkan kepada pemerintah.

Semenjak berakhirnya peristiwa Yusuf ini, Xinjiang kembali berada dalam suasana perdamaian selama 16 tahun lagi dan setelah itu pecahlah pula satu pemberontakan lagi hampir sama tempatnya di situ juga sebagaimana pemberontakan yang telah lalu, yang memakan masa 5 tahun lamanya.

#### 7. Pemberontakan 7 orang Khoja: 1848-1853

Permusuhan dan kebencian satu sama lain tumbuh semakin lama semakin mendalam di antara puak-puak Han (China totok) dengan orang-orang Muslim, oleh kerana 80 peratus daripada tentera-tentera yang dikirimkan oleh pemerintah terdiri dari orang-orang Han; pembunuhan orang-orang awam banyak dilakukan oleh orang-orang Han itu dan juga oleh orang-orang Muslim. Sedikit sahaja api dicetuskan dekat minyak permusuhan itu tentulah dia menyala dan kalau terbit peperangan di antara kedua puak

itu tentulah pertempuran-pertempuran akan berlaku dengan sangat kejam dan membabi buta.

Daripada tujuh Khoja itu, hanya nama dari dua orang sahaja yang saya ketahui. Mereka itu ialah: Mehemet (Muhammad) dan Wali Khan, yaitu anak dan anak buah Muhammad Yusuf. Pemberontakan mereka itu lekas dapat dipadamkan dengan suatu syarat perjanjian perdamaian yang lain lagi dalam tahun 1850, akan tetapi api yang ada dalam sekam itu menyala kembali dan pemberontakan meletus lagi dalam tahun 1851, ketika pemerintah memaksa rakyat untuk membuat kerja paksa dalam sebuah lombong tembaga. Pemberontakan kali ini telah dipadamkan dalam tahun 1853. Wali Khan dapat melarikan diri ke Afghanistan.

- Bersambung

Kitab sejarah untuk sekolah-sekolah      Sudah siap

Sejarah Ringkas

**Muhammad**

*Ṣallā Allah 'alayhi wa 'ālihi wa sallam*

Disusun oleh Edrus. Secara ringkas junjungan Muhammad (SAW) yang perlu diketahui terutamanya oleh murid-murid sekolah. Tiap-tiap bahagian disudahi dengan pertanyaan-pertanyaan yang boleh mengingatkan murid-murid kepada apa yang telah dibacanya. Bahasanya mudah difaham dan disulam dengan peta dan gambar-gambar yang berkenaan dengan sejarah-sejarah itu. Pertama buku sejarah ringkas yang diterbitkan oleh Qalam untuk sekolah-sekolah.

Senaskah \$1.20

Pos 10 sen